



11 APR, 2025

190 rumah kembali dihuni semula

Berita Harian, Malaysia



Letupan paip gas di Putra Heights



Penduduk melakukan pemeriksaan kerosakan di kediaman masing-masing akibat letupan paip gas di Putra Heights di Kampung Sungai Luar Dalam, semalam.

190 rumah kembali dihuni semula

Tinjauan dapati kawasan masih dikawal ketat polis

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Setelah sembilan hari kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya yang menjelaskan beratus-ratus kediaman dan premis, 190 rumah sudah boleh kembali dihuni oleh mangsa.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata setakat kelmarin sebanyak 487 rumah diperiksa 12 agensi teknikal termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor Berhad, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kerja Raya, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Polis Diraja Malaysia.

"Daripada jumlah itu, rumah selamat diduduki sebanyak 328 kediaman dan 190 rumah sudah dihuni semula," katanya kepada BERNAMA.

Hussein berkata, 306 rumah yang terjejas sudah dibekalkan tenaga elektrik oleh TNB.

Tinjauan di tempat kejadian mendapati kawasan berkenaan masih dikawal ketat anggota polis dan hanya penduduk serta pihak mempunyai pas khas dibenarkan masuk ke kawasan terjejas.

Kebakaran saluran gas PETRONAS pada jam 8.10 pagi, 1 April lalu menyebabkan api ma-

rak setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah lebih 1,000 darjah Celsius, mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Hanya bumbung bocor

Sementara itu, tukang masak kantin sekolah, Noor Faziah Abu Hassan, 38, berkata beliau akan terus tinggal di Kampung Kuala Sungai Baru.

"Saya akan terus tinggal di sini lagi kerana keadaan rumah masih elok untuk didiami lagi setakat ini," katanya yang menyewa di kampung itu sejak dua tahun lalu bersama seorang sepupu.

Beliau berkata, rumahnya hanya bocor pada bumbung akibat lantunan batu daripada letupan paip gas.

Bagaimanapun katanya, tuan rumahnya sudah menampal ba-

hagian bumbung yang bocor minggu lalu dan membolehkannya pulang ke rumah semula Ahad lalu selepas tinggal di pusat penempatan sementara (PPS) Dewan Camelia sejak 1 April.

"Syukur Alhamdulillah saya tidak mengalami apa-apa kecederaan atau kerugian besar. Cuma rumah basah kerana air hujan masuk melalui bumbung yang bocor," katanya semalam.

Menceritakan mengenai kejadian pada 1 April lalu, Noor Faziah berkata, ketika itu dia sedang berbaring di dalam rumah dan mendengar bunyi letupan beberapa kali.

Katanya, beliau tidak mengendahkan bunyi itu, tetapi tiba-tiba terasa bahang api dan terus keluar dari rumah melihat api yang sedang marak.

"Ketika itu juga saya mendengar orang menjerit suruh ke-



Noor Faziah menunjukkan batu yang melantun dan mengenai bumbung rumahnya dari lokasi kejadian letupan paip gas pada 1 April lalu.

luar dari rumah dan melihat ramai orang berlari menyelamatkan diri hingga ada yang terjatuh dan luka.

"Saya pula dalam keadaan pinggul yang patah akibat kemalangan sebelum Ramadan lalu, tanpa berfikir panjang terus berlari mengikut orang ramai dan

apabila sudah jauh dari rumah baru rasa sakit," katanya.

Selepas keadaan reda, katanya, beliau balik ke rumah untuk mengambil ubat tahan sakit, tetapi penduduk kampung diarahkan ke PPS Dewan Camelia kerana keadaan masih berbahaya dan bau gas masih kuat.



Anggota polis hanya benarkan penduduk serta pihak mempunyai pas khas dibenarkan masuk ke kawasan terjejas.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)